

DATE: 7/10/2007

'Beri perhatian isu agama, perkauman'

BH- 7/10/2007

PM tak mahu pemimpin politik sembunyi masalah daripadanya

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mahu semua pihak terutama pemimpin politik supaya tidak menyembunyikan daripadanya sebarang masalah termasuk berkaitan agama dan isu perkauman walaupun hakikatnya ia berita yang sukar untuk diterima.

Perdana Menteri berkata, sebagai pemimpin yang diberi mandat oleh rakyat untuk menerajui negara, beliau perlu berani menghadapi sebarang kemungkinan jika itu adalah kenyataan.

“*Dalam usaha menangani isu perkauman perlu ada pertimbangan dengan berbincang cara terbaik”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

“Perdana Menteri mesti berani menerima apa yang berlaku, walaupun berita paling teruk berkaitan negara atau dirinya sendiri.

“Kita tidak harus berlagak seolah-olah tidak ada kecacatan, kelemahan atau kekurangan, hingga hidup dalam keadaan yang tidak dapat menerima kenyataan. Keadaan itu juga yang akan menyebabkan kita berhadapan masalah dan sukar menanganinya dengan baik,” katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan 2007 ke-36 di Wisma PGRM di sini, semalam.

Turut hadir Pemangku Presiden

Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Abdullah kesal dengan tahap pemikiran rakyat yang mudah terperangkap dengan isu perkauman dan pantas memberi maklum balas sedangkan perbuatan itu memberi kesan lebih buruk.

“Kadang-kadang kita lupa dalam usaha menangani isu perkauman, perlu ada pertimbangan mendalam dengan berbincang dan menetapkan cara dan pendekatan terbaik untuk diambil.

LIHAT MUKA 4